



**SEBAHAGIAN peserta Program Keusahawanan Coca-Cola (Komuniti Usahawan), semalam.**

## Kerjasama lahir usahawan

**Shah Alam:** "Kita kini tidak boleh hanya bergantung kepada satu pekerjaan dan memulakan perniagaan sendiri adalah percaturan terbaik untuk masa depan," kata Nor Athirah Borhanuddin, 19.

Remaja itu antara 1,200 pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) di sini, yang hadir menyertai program Komuniti Usahawan Coca-Cola, semalam.

Menurut pelajar jurusan perkhidmatan bangunan itu, dia berminat menceburi bidang perniagaan selepas memahami dan melihat prospek perniagaan yang lumayan walaupun ia dihasilkan secara kecil-kecilan.

"Saya memang berhasrat membuka perkhidmatan menjual makanan atas talian dan mengambil peluang untuk menyertai program ini untuk mempelajari dunia perniagaan."

"Malah, saya yakin menerusi teknik berniaga, pé-

lajar akan lebih memanfaatkan masa dengan mencari rezeki selain rutin belajar," katanya ketika ditemui.

Turut hadir Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Selangor Ahmad Fauzi Idris, Pengarah PSA Tajuddin Abd Rashid dan Pengurus Bahagian Perhubungan Awam dan Komunikasi Coca Cola Malaysia Finaswami Mohamed Zin.

Sementara itu, Tajuddin berkata, pihaknya sentiasa menggalakkan pelajar untuk berkecimpung dalam bidang keusahawanan dan menghasilkan produk bermutu tinggi.

Menurutnya, menerusi kerjasama antara PSA dengan Coca Cola dan KPDKKK, ia dapat menyebarluaskan lagi semangat pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan.

"Setakat ini, kami mensusarkan lima peratus pelajar akan berjaya dalam bidang berkenaan," katanya.